

02 JUN 2003

Mahathir-Jepun/I

PERDAGANGAN DAN KESELAMATAN, AGENDA UTAMA DR MAHATHIR DI JEPUN

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Kerjasama ekonomi Asean-Jepun dan juga isu-isu keselamatan serantau adalah antara agenda utama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan rasmi tiga hari beliau ke Jepun bermula esok.

Duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohd Noor memberitahu taklimat media di kedutaan di sini, hari ini, yang penting ialah Persidangan Antarabangsa Nikkei ke 9 bertema "Masa Depan Asia: Asal Usul Orde Baru Asia" pada Khamis, dengan Perdana Menteri akan berkongsi pandangannya mengenai keselamatan serantau.

Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucap-tama bagi lebih kurang 30 minit dalam persidangan sehari itu di hadapan lebih kurang 400 orang yang terdiri daripada eksekutif perniagaan, wakil sektor swasta dan pegawai kanan kerajaan.

Satu Persidangan Meja Bulat Pemimpin-pemimpin Asia dengan tema "Tahun Pertukaran Asean-Jepun 2003" dijadualkan selepas Dr Mahathir menyampaikan ucapannya.

Beliau akan disertai oleh Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra, dan bekas Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto.

Dr Mahathir akan memulakan persidangan meja bulat itu dengan perspektif Asean mengenai keselamatan serantau, memberikan wawasan mengenai Islam di rantau. Beliau juga akan menyentuh mengenai perkembangan di Korea Utara.

Perbincangan yang akan dibahagikan dalam tiga kumpulan, juga akan membincangkan pembentukan perjanjian perdagangan bebas (FTAs) dan kerjasama ekonomi-perdagangan antara rantau yang akan dipengerusikan oleh Thaksin sementara kumpulan ketiga akan diketuai oleh Hashimoto akan menumpukan pada peranan Jepun di Asia Timur.

Atas cadangan Dr Mahathir pada tahun lepas, meja bulat itu telah diperkenalkan buat ulung kali selepas persidangan Nikkei untuk membenarkan pemimpin-pemimpin membahaskan pandangan mereka mengenai hal-hal serantau, kata Marzuki, yang kini dalam penggal keempat sebagai duta ke Jepun.

Selain daripada keselamatan serantau, beliau berkata pembentukan FTAs adalah signifikan kerana beberapa negara telah bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi untuk mewujudkan perjanjian seperti itu bersama Jepun.

Sehingga ini, Thailand, Filipina telah menyatakan minat dalam mewujudkan hubungan perdagangan seperti itu bersama Jepun, katanya.

Marzuki berkata Malaysia merupakan yang pertama untuk menerima inisiatif itu bermula dengan perjanjian perkongsian Malaysia-Jepun dan satu elemen FTA yang ditandatangani bulan lepas.

Mesyuarat kumpulan kerja berikut akan bertemu di Malaysia pada bulan depan, katanya.

Mesyuarat meja bulat itu akan disusuli oleh perbincangan dua hala antara Dr Mahathir dan beberapa pemimpin termasuk Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo dan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi.

Sementara berada di Jepun, Dr Mahathir, yang akan diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan memulakan lawatan kerjanya esok dengan pertemuan bersama bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone, yang juga pengerusi kumpulan bijak pandai, Institut Bagi Kajian Dasar Antarabangsa (IIPS).

Di institut itu, Dr Mahathir juga akan berceramah mengenai "Dimensi

Asia di bawah Orde Baru Dunia - Perubahan Paradigma di Asia dan Jepun."

Pada Rabu Dr Mahathir akan diberi taklimat mengenai pelan induk lembah bio yang dilancarkan di Dengkil pada bulan lepas.

Taklimat mengenai projek itu disampaikan oleh salah seorang daripada arkiteknya, Dr Kisho Kurokawa yang juga merupakan arkitek bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pada hari yang sama Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan bersama para penyelidik dan wakil-wakil syarikat farmaseutikal Jepun.

Pada Khamis, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan bersama Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi di Imperial Hotel.

Beliau juga dijadual menerima kunjungan hormat daripada Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, Takeo Hiranuma, yang juga Pengerusi Liga Persahabatan Anggota-anggota Parlimen Jepun-Malaysia.

Turut dijangka mengunjungi Dr Mahathir ialah Menteri Kewangan Masajuro Shiokawa yang merupakan Pengerusi Persatuan Malaysia-Jepun; dan Menteri Negara bagi dasar IT, Hiroyuki Hosoda yang juga Menteri Negara Bagi Dasar Sains dan Teknologi dan juga Menteri Negara bagi Hal Ehwal Okinawa dan Wilayah-wilayah Utara.

Dr Mahathir dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita pada pukul 7.40 pagi waktu tempatan (6.40 pagi waktu Malaysia) esok dari Frankfurt menggunakan penerbangan Lufthansa selepas menghadiri "Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota di bandar Evian di Perancis. Beliau dijadual pulang ke tanahair pada Jumaat menggunakan perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS).

-- BERNAMA

SS HK PR